

## ARTIFAK MUZIUM SEBAGAI CERMIN KEPADA *WORLD-VIEW* MELAYU: KAJIAN DI MUZIUM ABU BAKAR PEKAN PAHANG

MUSEUM ARTIFACTS AS A MIRROR TO THE MALAY *WORLD-VIEW*:  
STUDY AT ABU BAKAR MUSEUM, PAHANG TOWN

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim,  
Ahnaf Wafi Alias & Siti Maimunah Kahal

### Abstrak

---

Terdapat aksiom yang mengatakan artifak muzium adalah gambaran falsafah kehidupan yang dipegang oleh sesuatu masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah analisis perpustakaan dan temu bual yang mengkaji tiga galeri di Muzium Abu Bakar Pekan Pahang iaitu Galeri Islam di Pahang, Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku dan Galeri Kehambaan. Hasil penelitian ini mendapati tiga perkara utama. *Pertama*, kesemua galeri menggunakan falsafah pasca kolonial dalam pembinaan asasnya. *Kedua*, pemilihan artifak galeri menggunakan falsafah Islam iaitu Tauhid, Wasatiyyah, budaya ilmu dan Rationalistik. *Ketiga*, Galeri kesultanan Melayu Pahang dan galeri kehambaan mencerminkan sifat dominasi intelektual Islam dalam masyarakat Melayu. Kesemuanya menonjolkan elemen tempatan (*Islamicate*) yang cukup tinggi.

---

**Kata kunci:** Artifak; Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang; Galeri Kesultanan Melayu Pahang; Galeri Kehambaan; Wasatiyyah

### Abstract

---

There is an axiom that says museum artifacts reflect the philosophy of life held by a society. This study uses the method of library analysis and interviews that examines three galleries at the Abu Bakar Museum in Pahang, namely the Islamic Gallery in Pahang, the Pahang Malay Sultanate Gallery - Daulat Tuanku and the Slavery Gallery. As a result, we found three main points. First, all galleries use post-colonial philosophy in their basic construction. Second, the selection of artefacts in the gallery uses Islamic philosophy, namely Tauhid, Wasatiyyah, culture of knowledge and Rationalism. Third, the Pahang Malay sultanate gallery and the slavery gallery reflect the intellectual dominance of Islam in Malay society. All of them highlight local (*Islamicate*) elements that are quite high.

---

**Keywords:** Artifacts; Sultan Abu Bakar Museum, Pekan, Pahang; Pahang Malay Sultanate Gallery; Slavery Gallery; Wasatiyyah

## PENGENALAN

Hasil karya milik sesuatu masyarakat, termasuk hasil kerja seorang kurator muzium dapat dianggap sebagai cermin yang mewakili pemikiran masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai alat untuk merakam sesuatu pemikiran yang berkembang dalam masyarakat. Hal ini berlaku kerana seseorang pencipta karya itu semasa melahirkan karyanya pasti terpengaruh dengan pegangan agama, ideologi, sosiologi masyarakat dan pemikiran yang berkembang dalam masyarakatnya (Diana Laurendon Danalan Swingewood 1971). Mengikut Othman Yatim (2005) dan Lee Weinberg (2014), teori ini turut terpakai kepada hasil usaha seseorang kurator yang melahirkan sesuatu galeri muzium. Jadi, daripada sesuatu artifak muzium kita dapat mengesan realiti hidup sesuatu masyarakat dan yang paling penting, kita dapat mengenal pasti *world-view* dan falsafah hidup yang dipegang dalam sesuatu masyarakat (Othman Yatim 2005).

## LATAR BELAKANG

Atas dasar itu, muzium bukanlah tempat yang bebas nilai tetapi sarat dengan falsafah tertentu yang dipegang oleh sesuatu muzium. Contohnya, falsafah penjajahan terhadap bangsa asing telah dijadikan sebagai asas pembinaan British Museum. Charlotte Morgan (2015) menyatakan bahawa isi kandungan British Museum ini dipenuhi dengan hasil rampasan daripada masyarakat tanah jajahan British dari seluruh dunia. Menurut Emily Duthie (2011) pula, hasil daripada kajian terhadap komentar pengunjung di British Museum, didapati bahawa pengunjungnya menyatakan koleksi di British Museum dipenuhi dengan hasil penindasan dan rompakan terhadap bangsa jajahan. Stuart Frost (2019) menjelaskan ianya sebagai;

1. *Fascinating to see a lot of what is here but can't help thinking that a lot of what you see was stolen from other countries – I was conflicted.*
2. *Went to @british museum to see some stolen stuff.' Everything in this museum is stolen from other countries. It is like a house of thievery done by colonists. But yeah, it looks good.'*
3. *I liked it but I felt bad. Give back what you stole from Greece and Egypt.*
4. *The British Museum? Where is that? That Museum in London is the National Greek & Egyptian Museum. It has nothing British in it! Stealing someone's history and refusing to give it back...At least don't call it British'*

Bagi kurator muzium Barat, artifak milik masyarakat tanah jajahan diklasifikasikan sebagai hasil tamadun yang bertaraf rendah dan merupakan hasil budaya masyarakat bawahan. Hal ini dijelaskan oleh Yuka Inoue (2005) dalam katanya, iaitu;

*"During this period, exhibitions flaunted the nation's wealth and power over other countries' to the general public. These two aspects of museums contributed to the ideological construction of representing cultural artefacts. As non-European cultures were excluded from mainstream 'high culture', their artefacts were not recognised as art work, and often referred to as craft. Objects from non-white and non-European backgrounds were considered important purely as ethnographic resources".*

Kajian ini mengkaji falsafah di sebalik artifak yang dipamerkan di Muzium Abu Bakar, Pekan, Pahang. Ia membabitkan tiga galeri di MABPP iaitu Galeri Islam Di Pahang, Galeri Kesultanan Melayu Pahang - Daulat Tuanku dan Galeri Kehambaan. Kesemua galeri ini menggunakan tema utama iaitu kesedaran Islam terhadap penekanan identiti bangsa Malaysia. Tema ini jelas meliputi keseluruhan komponen yang disajikan kepada pengunjung. Meliputi pengisian kerangka pameran, *write-up, storyline, pemilihan artifak dan ambien* sesebuah galeri.

## FOKUS KAJIAN DI MUZIUM ABU BAKAR PEKAN PAHANG

Muzium Negeri Pahang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1975. Ia berasal daripada Istana Kota Beram yang terletak di Bandar Diraja Pekan dan dijadikan Muzium Negeri Pahang dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar. Muzium ini kemudiannya mengalami proses transformasi yang agak aktif dengan asalnya daripada konsep muzium tradisional kepada konsep

muzium moden iaitu muzium dalam taman; *The Intellectual Garden*. Dalam erti kata yang lain ia membawa maksud ruang yang luas untuk idea, imaginasi, fikiran yang terbuka, kreativiti yang memacu kepada keyakinan, wawasan serta perkongsian dan penyebaran ilmu. Konsep baharu yang dibawa oleh muzium ini menekankan dengan jelas tiga era trajektori Negeri Pahang; iaitu sebelum, semasa dan juga selepas penjajahan. Lebih penting lagi, panduan kepada pembinaan muzium yang komprehensif telah dipandu oleh rangka kerja ini. Penekanan kepada agama, identiti dan isu global telah menjadikannya unik dan kontemporari.

Muzium Masjid Sultan Abdullah telah ditubuhkan pada 21 Oktober 2016. Muzium Masjid Sultan Abdullah yang mengekalkan struktur masjid yang sedia ada turut mempamerkan koleksi sumbangan Islam dalam pembinaan tamadun bangsa. Koleksi tersebut termasuklah manuskrip berharga seperti pelbagai jenis al-Quran, Hukum Kanun Pahang dan juga kitab-kitab pengajian agama Islam. Sebanyak 178 buah manuskrip berbagai genre yang disimpan dalam Muzium Negeri Pahang seperti Hikayat Pahang, surat-surat raja dan pembesar Melayu, teks titah ucapan diraja, himpunan cerita sejarah, diari Hugh Clifford, catatan Sir Frank Swettenham dan juga surat pemberitahuan pihak kerajaan British yang ditulis dalam Bahasa Jawi. Muzium Masjid ini menjadi akses penting kepada masyarakat dan berperanan sebagai pusat pengumpulan maklumat. Ini sangat penting untuk masyarakat khususnya golongan non-Muslim mengetahui tentang Islam dengan lebih mendalam.

Kesemua galeri ini mempunyai intipati falsafah pasca kolonial yang terdiri daripada usaha dekolonialisasi (pembebasan daripada pengaruh kolonial), penerapan agenda pendidikan, elemen Islamicate (Islam yang dicirikan oleh budaya tempatan) dan agenda pembinaan negara-bangsa (*Nation Building*). Satu elemen yang menarik adalah penggunaan ayat Quran sebagai pandangan alam asas Islam dalam *write-up* dan *storyline* kesemua galeri ini.

## HASIL DAPATAN

Kajian mendapati beberapa perkara yang membabitkan falsafah pameran di MABPP. Antaranya;

### **1. MEMBAWA FALSAFAH PASCA KOLONIAL YANG DIPEGANG OLEH MUZIUM ABU BAKAR PEKAN PAHANG.**

Pasca kolonial adalah istilah yang digunakan merujuk kepada tempoh selepas zaman penjajahan tamat iaitu pada era 1950-an sehingga 1970-an. Mengikut Abdul Rahman Embong, falsafah pasca kolonialisme pada peringkat idea asasnya (proto- ideologi) memang telah wujud lebih awal sebelum ianya muncul dalam istilah dan falsafahnya yang lengkap. Ia mengatakan: “*Lazimnya, sesuatu fenomena sejarah baik dalam masyarakat mahupun dalam bidang ilmu telah wujud dan berkembang sebelum istilah yang sesuai dicipta untuk memaksudkannya dan kemudian diterima pakai oleh umum sehingga menjadi popular*” (Abdul Rahman Embong 2005).

Pengajian pascakolonial sebagai satu disiplin diperkenalkan di IPT barat pada tahun 1980-an. Ianya muncul bersamaan dengan penerbitan beberapa buah buku terkenal iaitu;

1. *Orientalism* (1978) dan *Culture And Imperialism* (1994) oleh Edward Said.
2. *Europe And Its Others* (Prosiding simposium di University of Essex pada 1982 dan 1984) yang memuatkan tulisan Homi Bhabha.
3. Centre For Contemporary Cultural di Birmingham telah menerbitkan buku bertajuk *The Empire Strikes Back: Race and Racism In 70's Britain* pada tahun 1982.

Secara terperinci, pemikiran pasca kolonial ini terdiri daripada kesedaran kemanusiaan selepas zaman penjajahan (kolonialisme) dalam beberapa bentuk. Pertama, pemikiran yang menterbalikkan ideologi kolonialisme. Memandangkan kolonialisme adalah falsafah politik yang menindas bangsa lain untuk kepentingan kewangan, maka pasca kolonial berusaha melakukan rekonstruksi (membongkar dan menyusun balik). Ia cuba mendedahkan kepincangan ideologi yang dibawa oleh kolonialisme Barat. Lebih kritis lagi, ia cuba untuk memperhalusi bagaimana metodologi dan

falsafah kolonialisasi dilaksanakan. *Kedua*, metodologi melihat dunia dari sisi golongan yang tertindas atau pun subaltern yang diutarakan oleh golongan pemikir dari India dan Benua Afrika. Pendekatan ini mendedahkan sejarah daripada golongan tertindas dan masyarakat bawahan. Golongan ini yang sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam perjalanan sejarah namun penulisan sejarah yang kebiasaannya dipenuhi dengan agenda kolonial dan feudal telah menafikan keberadaan mereka. Dalam soal ini, Khairudin Juneid menegaskan bahawa pengasas semangat anti-kolonialisme sebenar adalah Dr. Burhanudin Helmy dan bukannya tokoh-tokoh pembesar Melayu yang merupakan klon British (Khairudin Juneid 2012).

*Ketiga*, pendekatan dekolonialisasi iaitu usaha membebaskan diri daripada warisan kolonial silam. Pemikiran ini berusaha untuk mengangkat tamadun tempatan selari atau lebih tinggi daripada tamadun Barat. Dalam konteks Islam, ia adalah falsafah yang mengambil kira elemen sejarah silam dan melihat sesuatu perkara daripada perspektif yang lebih holistik.

*Keempat*, menurut Syed Hussein Al-Attas (2005) pendekatan pemikiran yang bersifat kritikan dan Awang Azman (2009) menambah ia elemen selektif dan rasional. Selain itu, ia cuba menilai jika neo-kolonialisme masih lagi relevan dan berjalan seperti sebelum ini. Tuntasnya, pendekatan menolak penindasan ini tidak hanya diaplikasikan pada zaman kolonial malah ia perlu berterusan sehingga zaman selepas merdeka.

Pengaruh falsafah pasca-kolonial boleh dilihat kepada pendekatan selektif-kritikal pada teori sarjana kolonial yang dipakai oleh MABPP.

#### a. Sarjana Kolonial Dan Teori Kewujudan Tamadun Berasaskan Penemuan Artifak

Kurator Muzium Abu Bakar telah mencabar teori tamadun yang diutarakan oleh sarjana kolonial. Sarjana kolonial menyatakan bahawa kewujudan artifak atau pun manuskrip sejarah yang mewakili masyarakat tertentu adalah bukti kukuh kewujudan sesebuah tamadun dalam kawasan tersebut. Menurut Rahimin Affandi (2011) golongan ini akan mengambil sikap simplistik sekiranya tidak ditemui sebarang bukti material atau pun bahan yang ada terlalu ringkas dan seterusnya akan menyimpulkan bahawa perkembangan ilmu dan tamadun tidak berlaku.

Ini bermakna, bagi golongan ini kewujudan sesuatu kerajaan atau pun tamadun adalah bergantung kepada penemuan artifak yang mengandungi maklumat tentang tamadun atau masyarakat tersebut. Rahimin Affandi (2011) menambah penemuan artifak itu perlu lengkap dan jelas. Oleh sebab itu, apabila didakwa bahawa tidak ditemui sebarang artifak atau manuskrip tentang Islam dan masyarakat Pahang, maka mereka menyimpulkan Pahang sebelum kedatangan British tidak mempunyai sejarah. Hanapi Dolah (1983) mengatakan ia dalam keadaan yang tidak tersusun kerana ketiadaan sistem kerajaan yang khusus. Tambahan pula menurut Hussain Othman (2008), British tidak menerima sumber sejarah tempatan yang menggambarkan tentang masyarakat Pahang kerana ia penuh dengan mitos dan tidak boleh dipercayai.

Kurator MABPP iaitu Ahmad Farid Abdul Jalal telah menyangkal teori ini dengan hujah bahawa bentuk sumber sejarah yang boleh digunakan bukan terhad kepada artifak material semata-mata, tetapi perlu diperluaskan bukti bukan material. Mengikut Muhammad Arkoun, selain daripada bukti material, realiti budaya masyarakat Islam sebagai *living evidence* juga patut diambil kira apabila mengkaji tentang sesuatu tamadun dan pengamalan konsep Islam. Maknanya, walaupun tidak ditemui bukti artifak (tangible), tetapi fakta sejarah boleh diketahui daripada *Living Tradition* (tradisi zaman berzaman yang hidup dan boleh dikesan hasilnya hingga pada masa sekarang). Contohnya tradisi pengamalan Islam yang kuat dipegang oleh masyarakat Pahang (Ahmad Farid 2022).

Jika diselidiki, terdapat sumber sejarah tempatan Pahang yang tidak ditemui oleh sarjana British. Contohnya adalah sejarah tentang kedatangan golongan Syed yang menyebarkan Islam di Pahang. Pahang dijadikan tempat tumpuan penghijrahan golongan *Ahl al-Bayt* (keturunan keluarga Nabi) yang berasal dari Timur Tengah. Ini menjadi penyebab utama golongan keturunan Syed agak ramai yang boleh dikesan di beberapa penempatan di Pahang. Menurut Mahayuddin dan Ahmad

Jelani (1993), golongan ini dianggap penting kerana mereka adalah pendakwah pakar yang meyebarluaskan ajaran Islam ke serata pelusuk rantau alam Melayu. Hal ini terbukti dengan kewujudan perkampungan Arab di Pekan yang dinamakan Arab Street.

Namun begitu, bagi Ahmad Farid Abdul Jalal iaitu kurator MABPP, kita tidak harus menolak kesemua teori sarjana kolonial. Memang ada beberapa pandangan sarjana kolonial yang dipakai, contohnya keterangan tentang Perahu Pontian. Ia secara langsung memperlihatkan kearifan tempatan dalam bidang kelautan. Perahu Pontian ini yang dipertarikhkan  $1657 \pm 60$  tahun dahulu ditemui di hulu Sungai Pontian oleh I.H.N. Evans pada tahun 1926. Jumpanan struktur perahu perdagangan ini merupakan salah satu bukti jelas hubungan luar secara perdagangan awal masyarakat prasejarah akhir di Pahang (Gibson-Hill 1952).

### **b. Pandangan Ketiadaan Kesedaran Muzium Dalam Kalangan Penganut Islam.**

Sarjana kolonial British dan Perancis telah membawa teori ketiadaan kesedaran muzium dalam kalangan penganut Islam. Apabila pihak penjajah barat menjajah negara umat Islam, mereka mendapati umat Islam memiliki koleksi artifak, objek, monumen dan manuskrip ilmu yang besar. Ia membuktikan keunggulan tamadun umat Islam, sedangkan pihak kolonial mempromosikan teori evolusi yang mencanangkan bahawa tamadun barat berada dalam hiraki tamadun manusia yang tertinggi (Ozay Mehmet 1995). Fakta ini terpakai dalam kes alam Melayu dan Mesir. Pihak penjajah British di alam Melayu dan Perancis di Mesir memutar belitkan fakta dengan mendakwa bahawa;

*Pertama*, Islam adalah agama yang lahir daripada budaya padang pasir yang tidak bertamadun. Ia bersifat fanatik yang tidak memberikan apa-apa sumbangan ketamadunan. Umat Islam memang mewarisi tamadun pra-Islam tetapi gagal untuk memanfaatkannya, apakah lagi menjaganya. Hal ini berlaku kerana memang sifat Islam itu yang memusuhi dan bakal memusnahkan semua unsur bukan Islam. Kononnya hanya selepas pihak penjajah barat datang, barulah kesemua warisan *tangible* dan *intangible* pra Islam terjaga dengan baik (Hossam Mahdy 2019).

*Kedua*, Islam tidak memberi apa-apa impak positif kepada masyarakat. Dalam kes di Tanah Melayu, Raffles berpandangan bahawa tamadun Melayu akan maju sekiranya tradisi Hindu masih berkuasa dan diamalkan. Buktinya, monumen Hindu Candi Borobudur yang sangat megah sedangkan Islam tidak mempunyai sebarang monumen yang boleh dibanggakan. Dalam kebanyakan perkara, Raffles sangat memandang tinggi kepada budaya Hindu yang mengamalkan sistem kasta; ini akan memudahkan British menguasai politik-ekonomi tanah jajahan kerana golongan bawahan sangat taat kepada golongan pemerintah. Terpenting, dalam agama Hindu tidak diajarkan fahaman jihad melawan kuasa penjajah yang pastinya akan menjaskankan pemerintahan British.

Jadi, bagi dunia muzium selepas merdeka, tersebar dakwaan bahawa pihak penjajah barat memperkenalkan konsep konservasi dan muzium pada umat Islam. Ia dibuat kerana kononnya Islam tidak memiliki kesedaran menjaga warisan sejarah yang ditekankan oleh muzium moden. Hal ini ditegaskan oleh Hossam Mahdy dengan katanya (Rahimin Affandi & Siti Maimunah 2017);

*“Arabic-Islamic conservation traditions have developed over more than fourteen centuries and reached a high level of sophistication in preserving cultural heritage, with a great emphasis on intangible heritage, particularly the “word” both oral and written, including religious texts such as the Qur'an and hadith (the Prophet's sayings), and secular texts including poetry and prose. However, these traditions have been marginalized and ignored by modern conservation practices, which were first introduced to the Arab region by European colonizers and Orientalists, and later adopted by Arabs and Muslims specializing in heritage-related fields. Prevailing Eurocentric theories and practices of the international conservation movement since the mid-twentieth century encouraged the continuation of separate approaches to intangible and tangible heritage, and the exclusion of Arab-Islamic traditions of conservation from approaches and methods of tangible cultural heritage. This may explain why for many decades local communities and various stakeholders were indifferent or even hostile to professionally conserved, managed, and presented cultural heritage in the Arab region”.*

Ahmad Farid Abdul Jalal telah menyangkal teori ini dengan mendedahkan fakta bahawa istana dalam masyarakat Melayu telah memainkan peranan sebagai muzium. Istana telah dijadikan tempat simpanan koleksi artifak dan manuskrip Melayu sebelum adanya muzium kolonial. Istana adalah tempat asal penyimpanan semua koleksi yang terdapat dalam muzium di zaman moden. Istana juga telah berfungsi sebagai ‘muzium kuno’ yang berperanan sebagai institusi penting dalam menjaga dan memelihara semua khazanah negara. Berikut merupakan beberapa contoh bangunan istana yang bertukar fungsi menjadi muzium di Malaysia, antaranya ialah;

1. Istana Besar Johor (1866) yang dijadikan Muzium Diraja Abu Bakar, Johor pada 1982.
2. Istana Kenangan, Istana Lembah dan Istana Tepas, Perak (1926) yang dijadikan sebagai Muzium Diraja Kuala Kangsar pada 16 November 1986.
3. Istana Kota Beram (1948) yang dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 17 Mac 1976.
4. Istana Batu, Kelantan (1939) yang dijadikan Muzium Diraja pada 25 Julai 1991.
5. Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan (1908) dirasmikan sebagai Muzium Diraja pada 14 Julai 1992 bersamaan 14 Muharram 1413 Hijrah.
6. Istana Negara Lama, Kuala Lumpur (1957) dijadikan Muzium Diraja pada 1 Februari 2013 sehingga kini.

Selain itu, istana juga memainkan peranan menjaga khazanah manuskrip Melayu seperti Hikayat Pahang, Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, karya Sulalatus Salatin, Tuhfat al-Nafis dan juga kitab agama. Masyarakat Malaysia hari ini dapat mengetahui banyak perkara berkaitan khazanah warisan bangsa hasil daripada karya manuskrip yang dipelihara oleh institusi diraja.

Jelas di sini bahawa, istana berfungsi sebagai separa muzium yang dijadikan gedung sumber ilmu pengetahuan dan tempat penyimpanan artifak warisan Melayu yang berharga; di mana artifak ini menjadi lambang kepada ketinggian Tamadun Alam Melayu pada masa itu. Menurut Ahmad Farid, Awang Azman & Rahimin Affandi (2020), warisan berharga ini terdiri daripada penulisan hikayat dan hukum kanun oleh jurutulis sultan sehingga kepada segala alat kebesaran diraja, selain instrumen muzik berstatus tinggi seperti nobat, nafiri dan gamelan; dan juga daripada koleksi senjata Melayu tradisi yang terdiri daripada pelbagai koleksi keris sehingga ke tekstil persalinan golongan bangsawan seperti tenun dan songket yang berkualiti tinggi pembuatannya.

## **2. PEMILIHAN ARTIFAK GALERI ISLAM DI PAHANG MENGGUNAKAN FALSAFAH ISLAM**

Pihak Kurator MABPP bersetuju dengan piawaian museumologi moden yang menetapkan sesuatu artifak warisan tampak yang dipilih untuk dipamerkan perlu memiliki beberapa ciri khusus, antaranya; 1) mempunyai nilai sejarah dan mewakili era yang dipilih; 2) terhasil daripada kearifan tempatan atau kemahiran yang tinggi; 3) keunikan objek dan 4) keindahan dalam aspek bentuk, fungsi, hiasan dan symbol (Ivan Karp & Steven Lavine 1991).

Namun begitu, pemilihannya dibuat berteraskan falsafah Islam iaitu;

### **1. Tauhid**

Prinsip Tauhid adalah asas penting dalam Islam yang wajib dititikberatkan oleh umat Islam. Dalam prinsip Tauhid, seorang insan perlu mengutamakan hakikat Tauhid dalam setiap perbuataannya sama ada berkaitan hubungan dengan Allah S.W.T atau pun hubungan sesama makhluk. Ia tidak hanya tertumpu kepada pemahaman keesaan Allah S.W.T sahaja, tetapi turut merangkumi beberapa perkara penting yang lain. Pertama; wujud perbezaan yang ketara antara Tuhan dan makhluk. Tuhan adalah pencipta dan makhluk seluruhnya adalah ciptaan yang hanya boleh tunduk taat kepada Tuhan. Kedua; perbuatan syirik kepada Allah S.W.T adalah berdosa dan tidak dibenarkan kerana ia akan mengakibatkan kezaliman yang sangat besar dan jika tidak bertaubat tidak akan diampunkan oleh Allah S.W.T. Matlamat jelas daripada pendekatan anti-syirik ini adalah untuk menzahirkan

pengabdian insan hanya kepada Allah S.W.T, akan melahirkan manusia yang merdeka dan berjiwa bebas serta tidak tunduk kepada kuasa lain selain Allah S.W.T.

Kefahaman tentang syirik ini bukan hanya pada peringkat kognitif malah perlu dilanjutkan kepada aspek afektif iaitu mengharamkan amalan, sikap dan objek yang terhasil daripada perbuatan syirik. Secara khusus ianya adalah; apa sahaja bentuk artifak dan ukiran berjasad seperti patung yang menyerupai berhala sama ada patung itu lengkap ataupun tidak. Selain itu, lukisan manusia ataupun haiwan yang mempunyai elemen penyembahan seperti berhala. Ini termasuklah arca atau berhala milik masyarakat Melayu dari zaman tamadun pra Islam. Setinggi mana pun kualiti dan nilai warisan bukan Islam itu, kita tidak boleh berbangga dengannya kerana dikhuatiri akan membawa kesyirikan kepada Allah S.W.T.

Jadi, di MABPP penggunaan artifak yang menjurus kepada syirik sama ada syirik *jali* (terang) atau *khafti* (tersembunyi) langsung tidak digunakan.

## 2. Wasatiyyah

Wasatiyyah ini membawa maksud seimbang dan pertengahan. Menerusi Surah al-Baqarah ayat 143, dapat difahami bahawa sifat istimewa wasatiyyah umat Islam itu seperti berikut;

1. Umat Islam adalah umat yang bersikap sederhana dan pertengahan, bukan seperti bangsa Yahudi yang terlalu keras dalam setiap tindakan dan tidak juga seperti bangsa Nasrani yang terlalu pasif dan lembut dalam segenap perkara.
2. Pertengahan yang membezakan umat Islam dengan golongan etis (tidak percaya kepada kuasa Tuhan) dan golongan *polyties* (percaya kepada kuasa Tuhan yang banyak).
3. Umat pertengahan yang mampu bertindak adil sehingga dapat menjadi saksi dan hakim untuk mengadili kedudukan umat lain.
4. Umat yang tidak mengambil pendekatan *ifrat* iaitu bersikap keras, ekstrem dan melampau dan tidak juga mengamalkan sikap *tafrif* yang terlalu longgar, mengambil mudah dan cuai.

Berdasarkan Surah al-Maidah ayat 66, dapat difahami beberapa perkara yang serupa, iaitu;

1. Umat yang sentiasa memilih jalan tengah antara dua jalan yang ekstrem.
2. Umat yang sentiasa di jalan yang lurus dan tengah, walau dalam jumlah yang sedikit.
3. Umat yang sentiasa punya daya tahan keimanan yang sangat tinggi dan istiqamah dalam usaha menjalankan tugas *amar makruf nahi mungkar*.
4. Umat yang sentiasa mengikuti jalan tengah antara dua ekstrim yang wujud.

Pemakaian falsafah wasatiyyah ini dilihat dalam galeri Islam di Pahang. Islamisasi alam Melayu dilakukan dengan tidak menggunakan kaedah kekerasan tetapi secara diplomasi, pendidikan dan pendekatan gradualisme. Ia membabitkan asimilasi budaya Melayu oleh mubaligh (Rahimin Affandi 2022). Contohnya boleh dilihat kepada artifak batu nisan dan timba tembaga dalam galeri Islam di Pahang di MABPP.

Terdapat batu nisan yang dijumpai di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 419H bersamaan 1028M. Batu nisan ini mirip batu nisan yang ditemui di Perlak dan Pasai dan mengalami proses Islamisasi awal dalam sejarah Alam Melayu. Mohd Ikhlas (2015) mengatakan ini membuktikan bahawa Pahang adalah salah satu negeri yang terawal menerima proses Islamisasi lebih dahulu daripada Kesultanan Melayu Melaka. Tambahan pula, Pahang dan Terengganu (kawasan Timur Laut) mempunyai sejarah penyebaran Islam dari Tanah Arab. Menurut Abdul Rahman (1990), kawasan ini menjadi tempat persinggahan pedagang asing seperti saudagar Arab dan Parsi yang sama tarikh dengan kawasan Pantai Barat Tanah Melayu.

Batu Nisan dan Timba Tembaga ini membuktikan wujudnya penempatan masyarakat Islam yang mengamalkan budaya hidup Islam merangkumi soal kelahiran sehingga kematian. Ia mengajar ahli masyarakat bahawa hidup di dunia ini hanya sementara di mana setiap manusia pasti akan menghadapi kematian. Ia menjadi peringatan kepada semua ahli masyarakat yang masih hidup untuk mempersiapkan diri menghadapi kematian dengan mendapatkan sebanyak mungkin amalan untuk bekal hidup di alam sesudah mati. Bagi masyarakat Melayu-Islam, kubur atau batu nisan tidak boleh dijadikan alat pemujaan atau pun perantaraan untuk mendapatkan sesuatu kehendak atau hajat kepada Allah S.W.T (Mohd Anuar Ramli, 2018). Hal ini berbeza sama sekali dengan pemahaman agama selain Islam (Nurhanisah Senin 2019).

Kedua jenis artifak ini membuktikan bahawa Pahang telah dijadikan kawasan tumpuan penghijrahan golongan *Ahl al-Bayt* daripada Timur Tengah. Menurut W. Linehan (1936), orang Arab ini telah menetap di Pahang khususnya di Pekan sebelum abad ke-15, iaitu sebelum terbentuknya Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini kerana menurut beliau terdapat banyak makam Syed yang terdapat di Pekan. Malah sehingga hari ini masih terdapat perkampungan masyarakat Arab di Pekan yang didiami oleh waris-waris masyarakat Arab ini secara turun-temurun.



Gambar 1. Batu Nisan di Kampung Pekan Pahang Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan bertarikh 1028 Masihi.



Gambar 2. Timba Tembaga Di Muzium Abu Bakar

### 3. Budaya Ilmu Dan Rationalistik

Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1997), penjelasan budaya ilmu ini merujuk kepada enam ciri utama iaitu;

- a. Menjadikan pencarian ilmu sebagai matlamat utama hidup melebihi matlamat yang lain seperti mencari harta dan pengaruh.
- b. Bertindak mengikut neraca ilmu yang benar dan jauh daripada dorongan ilmu yang salah dan mengikut hawa nafsu.
- c. Menghargai semua bentuk sumber ilmu termasuklah sumber wahyu, alam semesta, manusia dan juga akal waras yang terpimpin.
- d. Terlibat secara langsung dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyebaran ilmu pengetahuan;
- e. Hormat dan kritis terhadap pandangan sarjana silam sesuai dengan perkiraan dan neraca kebenaran bersandarkan sumber wahyu.
- f. Proses pencarian ilmu dibuat sepanjang hayat.

Rasionalistik pula merujuk kepada sebarang tindakan yang menentang keras amalan budaya *taqlid*, iaitu menerima pendapat orang lain membuta tuli tanpa ada unsur selektif dan penelitian. Apabila melibatkan akidah dan syariah, amalan *taqlid* ini perlu ditolak. Persoalan akidah dan syariah perlu diteliti dengan pertimbangan akal yang waras dan tidak ada perkara dogmatik yang tidak boleh dipersoalkan akal. Islam adalah agama mesra akal yang sihat dan turut menggalakkan proses menajam, mengawal dan menyuburkan kapasiti akal ke tahap maksima melalui proses pengamalan budaya ilmu.

### **Teks Hukum Kanun Pahang**

Pemakaian kedua falsafah ini boleh dilihat dalam galeri Islam di Pahang dan Galeri Kehambaan. Dalam galeri Islam di Pahang, terdapat Teks Hukum Kanun Pahang. Ia secara langsung memperlihatkan pemakaian falsafah budaya ilmu dan rationalistik.

#### **1. Bukti Kewujudan Kerajaan Di Pahang**

Ia membuktikan kewujudan negara kota dan kerajaan yang baik. Pahang terletak di kawasan lembayung tamadun Melayu lama di sebelah kawasan Timur Laut Tanah Melayu, kawasan ini dikenali dengan konsep Wilayah Masyarakat Timur Laut yang diperkenalkan oleh Aziz Deraman (2013). Ia dibantu dengan pengaruh hubungan diplomatik dengan kerajaan luar seperti Aceh dan Melaka. Hukum Kanun Pahang digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah pada tahun 1592 Masihi sehingga 1614 Masihi. Ia merupakan Hukum Kanun yang tertua selepas Undang-undang Melaka. Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah selama 22 tahun telah membina kekuatan ekonomi, pertahanan dan mengukuhkan kedudukan undang-undang negeri yang berteraskan Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan dalam tumpok pimpinan pentadbiran negeri yang diperintah. Ini adalah delegasi penyambung dari Hukum Kanun Melaka kerana Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menguasai Negeri Pahang pada 1470M. Ahnaf Wafi Alias (2018) menyatakan raja pertama kerajaan Melaka iaitu Sultan Muhammad Shah (1470-1475 M) telah bertukar ganti sehingga kepada Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1614 M) yang merupakan keturunan raja Melaka yang kedua belas. Dalam pentadbiran Negeri Pahang, Baginda Sultan telah melaksanakan penambahbaikan terhadap Undang-undang Pahang yang diwarisi daripada Hukum Kanun Melaka. Sultan menamakannya Hukum Kanun Pahang dengan cara merapikan peruntukan undang-undang sedia ada, dirasakan bersesuaian dan menambah hukum baharu mengikut keperluan semasa dan uruf setempat.

Setiap pembaharuan melibatkan elemen syariah dan mengurangkan elemen adat yang terdapat dalam Kanun Melaka yang sebelum ini menjadi kayu ukur dalam Undang-undang Pahang. Penambahan yang ketara terutama dalam aspek keagamaan boleh dilihat melalui peruntukan yang terdapat dalam Hukum Kanun Pahang. Ia termasuk tentang kedudukan Raja sebagai khalifah, kedudukannya dalam mentadbir adalah seperti nabi yang mentadbir umat, menjalankan tugas *amar makruf nabi mungkar* dan bertanggungjawab terhadap rakyat. Kedudukan Sultan atau Raja ini dikukuhkan lagi dengan nas al-Quran dan al-Hadith. Malah menurut Rahimin Affandi (2022), ada pendapat yang mengatakan bahawa manuskrip ini adalah terjemahan dan cedokan daripada kitab Fiqh menurut Mazhab Shafii.

#### **2. Kewujudan Institusi Pengajian Ilmu Dan Sistem Tulisan**

Sesuai dengan sifat manusia sebagai insan *Homo Sapiens* (memerlukan sistem komunikasi verbal dan non-verbal) untuk menyampaikan sesuatu kehendak dan maksud, maka bahasa dan tulisan telah menjadi komponen asas untuk kewujudan sesuatu tamadun (Shaikh Mohd Saifuddeen 2012). Sebelum Islam, masyarakat Melayu memiliki sistem tulisan berasaskan aksara kawi, ia bersifat insklusif hanya diketahui oleh golongan bangsawan dan rahib semata-mata. Apabila datangnya Islam, orang Melayu mendapat asas jati diri dan harga diri mereka dengan memiliki tulisan jawi untuk tujuan komunikasi dan merakamkan pemikiran dan ilmu. Hasilnya, masyarakat Melayu tanpa mengira asal keturunan dan status dapat memahami konsep ilmu (Omar Awang 1981).


Mubaligh awal ini telah membawa sekali tulisan jawi. Apa yang unik, fenomena mengambil kira elemen tempatan dalam memilih bahasa tempatan sebagai medium untuk menyebarkan ilmu agama telah lama dilakukan oleh sarjana Islam di kebanyakan dunia Islam. Antara contohnya adalah penciptaan tulisan Urdu di India dan tulisan Parsi di Iran yang berasaskan kepada bahasa Arab dari segi bentuk dengan beberapa perubahan yang bersesuaian (Omar Awang 1980). Hasilnya, tulisan Jawi telah dijadikan medium untuk mengembangkan ilmu Islam (Omar Awang 1981) dan memperkayakan Bahasa Melayu (Amran Kasimin 1987).

Nafas baru yang disuntik Islam menerusi penggunaan tulisan Jawi ke dalam Bahasa Melayu telah melangkau tujuan asal penciptaannya iaitu sebagai alat menyebarkan Islam. Ia turut diiktiraf sebagai bahasa komunikasi (*lingua franca*) di seluruh rantau alam Melayu. Menurut Hashim Musa (1994), dengan adanya pengiktirafan antarabangsa ini, proses pematangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi telah dilakukan oleh ulama Melayu silam dengan dikemukakan bahan asas dari warisan Timur Tengah dan ditambah dengan nilai tempatan alam Melayu.

Dalam konteks perundangan, masyarakat Melayu memahami norma undang-undang yang bertujuan menyusun hidup bermasyarakat yang sistematik. Ini menunjukkan bahawa asas kefahaman Islam itu perlu menggunakan tiga domain utama dalam kehidupan iaitu pemikiran (kognitif), pembentukan sikap (afektif) dan juga kemahiran yang terhasil (psikomotor). Islam bukan hanya perlu diimani dan difahami, malah ia perlu diperlakukan dalam kehidupan sehari-hari. Perkara utama adalah Islam juga memerlukan kepada peranan kuasa politik untuk tujuan fungsional pelaksanaan hukumnya dalam kehidupan masyarakat. Menurut Rahimin Affandi (2010), buktinya dapat dilihat kepada artifik Batu Bersurat di Terengganu dan Rahimin Affandi, Ruzman & Nor Adina (2011) menambah keperluan kepada HKP yang mencatatkan peranan fungsional kerajaan diperlukan sejak awal di Alam Melayu.



Gambar 3. Teks Hukum Kanun Pahang




Gambar 4. Teks Kitab Siratal Mustaqim

### 3. Kepesatan Kegiatan Ilmu Di Pahang

Sikap keterbukaan masyarakat Melayu Pahang dapat menerima kedatangan ulama dari luar. Ini terbukti dengan kewujudan beberapa pengaruh ulama Aceh di Pahang. Nuruddin al-Raniri yang menyelesaikan penulisan kitabnya berjudul *Siratul Mustaqim* menjadi penulisan yang sangat penting kerana ia merupakan kitab Fiqh terawal di alam Melayu. Sebelum itu, ilmu Islam hanya disampaikan menerusi lisan dengan menggunakan karya yang tidak lengkap. Namun, dengan adanya kitab ini telah mengumpulkan secara khusus persoalan fiqh untuk tujuan ibadah masyarakat Melayu dan dijadikan sebagai rujukan di beberapa sistem pondok di alam Melayu (Jamalluddin Hashim 2014). Abu Hassan Sham (1998) menegaskan bahawa Pahang pernah menjadi pusat Tarikat Tasawuf Falsafah Wujudiah (Teluk Pelang) apabila dicatatkan terdapat guru kepada Hamzah Fansuri. Pahang dan Aceh yang menjadi pusat utama penyebaran fahaman Sufi ini pernah menimbulkan polemik

besar di alam Melayu dan Tarikat ini terus berkembang menjadi ajaran Martabat Tujuh yang dibawa ke Pahang oleh Tuk Mengkarak (Abu Hassan Sham 1998).



Gambar 5. Sheikh Nuruddin al-Raniri

Apabila berlaku penaklukan Aceh ke atas Pahang pada tahun 1671, secara langsung telah mendedahkan Pahang kepada perkembangan ilmu Islam yang dibangunkan oleh ulama Aceh. Oleh kerana itu, ilmu Islam semakin berkembang pesat di Pahang dan perlu diingat bahawa metodologi, epistemologi dan pegangan mazhab di Pahang dibentuk asasnya oleh ulama Aceh. Sejak itu, Pahang terdedah dengan idea dan pendekatan ilmu yang dibawa oleh ulama Aceh, Pattani, Banjar, Jambi, Palembang, Sulawesi, Johor-Riau, Kelantan dan Terengganu.

Idea Islam ini bersifat rentas sempadan penyebarannya. Ilmu yang diajar di Kota Haramayn (Mekah dan Madinah) ditransmisikan ke alam Melayu oleh ulama Melayu yang merupakan graduan Haramayn. Azyumardi Azra (1994) mengatakan, keilmuan Islam masyarakat Melayu sejak awal lagi bersifat ortodok kerana adanya pengesahan daripada ulama Haramayn yang dilabel sebagai autoriti tertinggi keilmuan Islam ketika itu.

Kesan pengaruh tema pemikiran intelektual Islam luar yang berkembang di Pahang bersifat komprehensif. Ia melibatkan tema epistemologi Islam, ilmu ketatanegaraan Melayu-Islam, neo-Sufism dan Fiqh tempatan. Wacana kesemua tema pemikiran Islam ini telah mewarnai pemikiran Islam khususnya di Pahang dan di alam Melayu secara amnya. Menurut Wan Mohd Nor & Khalif Muammar (2009), asas ini kemudiannya telah memperkaya ilmu Islam di Malaysia.

## **GALERI KESULTANAN MELAYU PAHANG - DAULAT TUANKU**

Galeri ini mengandungi beberapa perkara; *Pertama*,  *storyline*  sejarah kepimpinan Pahang dengan membawa pengunjung menyelusuri sejarah pemerintahan Pahang bermula dari awal penguasaan oleh Majapahit lagi. Pengisian dan pemilihan artifak yang dipaparkan dalam galeri ini juga menfokuskan kepada kesultanan Pahang Moden seperti Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah ibni Al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali, Sultan Mahmud ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'azzam Shah, Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah, Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah Shah, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'azzam Shah, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Secara umumnya, galeri ini memperkenalkan tentang perjalanan sejarah Negeri Pahang melalui koleksi artifak terpilih seperti cop mohor yang digunakan semasa pemerintahan Bendahara Seri Maharaja (1277H/1860) dan Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (1378H/1958), Bintang 'Knight Grand Cross of the Most Distinguished Order of St. Michael and St. George'

(G.C.M.G.) yang diterima oleh Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, taksidermi kaki gajah, arca gading gajah, lukisan tokoh-tokoh yang berpengaruh di Pahang dan gambar peristiwa bersejarah sepanjang pemerintahan sultan-sultan Pahang bermula daripada Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah sehingga pewaris takhta kesultanan Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Galeri ini juga menekankan peranan dan sumbangan institusi diraja dalam membangunkan sistem pentadbiran dan pemerintahan khususnya di Pahang.

Kedua, konsep kedaulatan raja-raja Melayu. Kedaulatan Raja-Raja Melayu adalah satu konsep yang menunjukkan kedudukan kekuasaan raja-raja yang tertinggi dalam masyarakat dan kerajaan Melayu yang berteraskan adat budaya Melayu yang selaras dan selari dengan kedudukan dan peranan baginda dalam sesbuah kerajaan Melayu. Pemahaman mengenai perkara ini haruslah mengambil kira sejarah dan warisan kebudayaan dan sistem pemerintahan Raja-Raja Melayu yang kukuh berakar umbi dalam tamadun Melayu dan Islam di Kepulauan Melayu. Evolusi ke atas kedudukan dan kekuasaan ini telah berlaku mengikut peredaran masa serta cabaran yang dilalui daripada raja mutlak kepada raja berperlembagaan.

*Ketiga*, peranan institusi diraja Pahang dalam kegiatan seni. Keluarga Diraja Pahang amat terkenal sebagai keluarga diraja yang meminati seni. Bermula dari zaman pemerintahan Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah lagi, kegiatan seni terutamanya Joget Pahang-Gamelan Melayu telah berkembang dengan baik di Istana Pahang. Pada ketika itu, dikatakan terdapat tiga kumpulan gamelan yang dikelolakan oleh isteri-isteri baginda. Kesenian ini kemudiannya telah berkembang ke Terengganu apabila Tengku Mariam puteri baginda, berkahwin dengan Sultan Terengganu Ke XIII, Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Baginda juga telah menghasilkan satu manuskrip lengkap mengenai Joget Pahang-Gamelan Melayu yang dijadikan rujukan sehingga ke hari ini. Pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud pula, seni tenunan kain telah dibangunkan semula dan berkembang dengan baik di Pahang atas sokongan dan usaha isteri baginda, Tengku Ampuan Meriam. Begitu juga ketika pemerintahan Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah Shah, baginda yang begitu meminati bidang seni bina telah memberikan idea dan sentuhan baginda dalam pembinaan beberapa bangunan di Pekan pada ketika itu seperti Masjid Abdullah, Istana Kuning dan sebagainya.

Sistem beraja Melayu merupakan asas jati diri masyarakat Melayu. Galeri ini menerangkan kenapa orang Melayu mengamalkan sistem beraja. Bagi pihak kolonial British masyarakat Melayu dikatakan telah dilanda dengan masalah *Oriental Despotism* iaitu

- a. Kelemahan masyarakat Melayu kerana pegangan kepada undang-undang Islam. Mardsen, Wilkinson dan Winstedt sepakat menegaskan bahawa undang-undang Islam sebagai barbarian untuk konteks zaman moden. Menurut Danielle Falconer (2015), mereka mengatakan pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu yang percaya kepada perkara khurafat dan anti pmodenan sama seperti era *Dark Age* di Eropah.
- b. Orang Melayu menjadi mangsa kezaliman raja-raja Melayu (Daniel C. 1995).

Bagi sesetengah rakyat Malaysia pasca merdeka, galeri sistem beraja ini mencerminkan kelemahan sistem masyarakat feudalisme yang menjaga kepentingan keluarga diraja tanpa mempedulikan kebaikan rakyat biasa. Hal ini cuba dijawab oleh pihak MABPP dengan beberapa cara. *Pertama*, dalam galeri diraja ada keterangan tentang tanggungjawab yang dimainkan oleh raja-raja Melayu. Konsep raja mutlak (*Devoraja*) telah diganti dengan konsep raja yang perlu bertanggungjawab memikul amanah menjaga urusan rakyat. Ulama Melayu tradisi menerapkan nilai Islam yang *syumul* menjadikan Raja tidak lagi bersifat kudus dan berkuasa mutlak. Menurut Khalif Muammar (2011), terdapat beberapa perkara yang wajib difahami oleh Raja, iaitu;

- a. Konsep Tauhid menerangkan hanya Allah S.W.T yang berkuasa mutlak
- b. Tanggungjawab Raja dalam pemerintahannya sangat besar dan akan dihisab di tiga alam iaitu dunia, barzakh dan akhirat oleh Allah S.W.T
- c. Terdapat sifat pemerintah Islam yang wajib dipatuhi oleh golongan Raja
- d. Sekiranya gagal menjalankan tanggungjawab dengan baik, terdapat ancaman dan balasan yang dihadapi oleh Raja.

*Kedua*, manfaat daripada pengekalan sistem beraja Melayu. Di zaman selepas merdeka, sistem beraja mampu berfungsi sebagai benteng ampuh untuk mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam di Malaysia. Terlalu banyak cubaan yang telah diusahakan oleh golongan bukan Melayu dan golongan liberal untuk mencabar kedaulatan Melayu-Islam. Institusi beraja diperlukan untuk membela nasib umat Melayu daripada ancaman tuntutan bukan Melayu.



Gambar 6. Galeri Kesultanan Melayu Pahang – Daulat Tuanku di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang



Gambar 7. Galeri Kehambaan di Muzium SABBPP

## GALERI KEHAMBAAN

Galeri Kehambaan dirangka dengan konsep takwa dan iman seseorang hamba kepada Allah SWT - merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap gerak geri, tindak tunduk meletakkan seseorang insan itu sentiasa berada dalam keadaan takwa dan iman. Hamba adalah golongan paling bawah dalam hirarki masyarakat. Mereka tidak bebas bertindak kerana segala peraturan dan perintah ditentukan oleh kuasa pemilik hamba (Surah al-Hadid: 25). Namun, kedatangan Islam menukar konsep daripada perhambaan manusia kepada kehambaan kepada Allah SWT. Rasa kehambaan perlu ada dalam hati setiap manusia. Antara sifat yang ada pada seorang hamba ialah miskin, jahil, lemah, bersalah dan hina. Sifat ini akan mendorong manusia untuk meletakkan pergantungan kepada yang Maha Kuat, pengharapan kepada yang Maha Sempurna, permohonan kepada yang Maha Kaya sehingga menimbulkan rasa berani, mulia dan kuat.

Begitu juga dalam berinteraksi dengan aspek kesenian, Islam telah membentuk suatu karya seni yang tersendiri. Karya seni dalam konteks pandangan Islam sesuai dengan fitrah dan kejadian manusia iaitu tunduk, menyerah dan mendekatkan diri kepada-Nya, selaras dengan kedudukan hamba yang melakukan pengabdian kepada-Nya. Sejak daripada zaman tradisi Islam, karya seni Islam berperanan untuk meningkatkan akidah, syariah, akhlak dan masyarakat. Karya seni yang berunsur Islam mempunyai peranan dan kedudukan yang cukup istimewa dalam pertembungannya dengan karya seni pascamoden dalam zaman global ini. Oleh sebab sesuatu karya seni dihasilkan untuk membentuk kebudayaan dan peradaban, maka karya yang dihasilkan itu sangat menekankan aspek dalaman, pemikiran dan intelektualisme bersesuaian dengan sifat akli yang menjadi teras hidup manusia, tidak hanya memenuhi kehendak perasaan dan lahiriah.

Galeri ini menggagaskan tiga unsur utama iaitu agama, ilmu dan kuasa melalui pameran karya-karya seni seperti lukisan nama-nama Allah SWT (Asmaul Husna), karya seni Melayu seperti manuskrip dan keris berwafak yang merupakan simbol kekuatan, keberanian dan kebijaksanaan

masyarakat Melayu. Keris merupakan senjata yang mewakili keampuhan Melayu dan menjadi senjata penting semasa menentang penjajahan. Senjata ini telah digunakan oleh tokoh-tokoh seperti Datuk Bahaman, Tok Gajah, Mat Kilau, Pawang Nong dan lain-lain dalam mempertahankan tanah air dan kesucian agama Islam. Jika keris digunakan sebagai senjata jasmani, manuskrip pula menjadi pelengkap kepada keperluan rohani dan intelek yang perlu dimiliki oleh seseorang manusia yang bergelar hamba. Tamadun ilmu di alam Melayu telah berkembang dengan pesat hasil daripada sumbangan Islam sehingga berjaya melahirkan manuskrip Melayu-Islam dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan seperti tafsir, akidah, fiqh, perubatan dan persenjataan khususnya keris. Gabungan ketiga-tiga unsur ini mewujudkan kesempurnaan, kesimbangan dan rasa kehambaan yang mendalam kepada Allah S.W.T.

Secara tidak langsung galeri ini menolak teori sarjana kolonial yang menyatakan bahawa proses Islamisasi mubaligh awal di alam Melayu menggunakan pendekatan dakwah yang menipu dan membentuk penganut Melayu Islam yang fanatik kepada golongan bukan Islam (Rahimin Affandi & Siti Maimunah, 2017). Sebaliknya, mubaligh awal mengaplikasikan pendekatan wasatiyah. Islam memang disebarluaskan melalui jalan yang damai di alam Melayu. Mereka memahami bahawa jihad adalah mekanisme mempertahankan Islam daripada musuh luar (Rahimin Affandi, Syamsul Azizul & Ahmad Farid 2022). Namun begitu, mereka tidak mengabaikan semangat jihad walaupun menyebarkan Islam secara damai. Buktinya boleh dirujuk kepada sirah ulama Melayu tidak menerapkan pendekatan *pacifism* iaitu mengalah dan tidak melawan (Muhammad Haniff 2016), tetapi mereka tetap mengarang kitab yang meniupkan semangat jihad melawan penjajah (Lukmanul Hakim 2008). Pondok dijadikan sebagai benteng terakhir untuk mempertahankan akidah umat Islam daripada dipengaruhi oleh fahaman sekularisme penjajah. Abdullah Zakaria (2012) mengatakan bahawa ulama telah terlibat secara langsung dalam banyak keadaan menentang kuasa penjajah. Amnah et al. (2014) mengukuhkan lagi dengan menyatakan tentang usaha Tokku Paloh yang memberikan suntikan semangat jihad dan menyokong perjuangan Dato Bahaman.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati beberapa perkara utama. *Pertama*, memang terdapat aksiom bahawa hasil kerja kurator muzium mencerminkan mentaliti dan pandangan alam masyarakat. Kajian ini memperlihatkan bagaimana tiga galeri Muzium Abu Bakar Pekan Pahang mengandungi falsafah dan pandangan alam masyarakat Melayu Pahang. Ia menjadi asas jati diri masyarakat Melayu Pahang. *Kedua*, falsafah pasca kolonial menjadi pemangkin kepada usaha pembentukan tiga galeri Muzium Abu Bakar Pekan Pahang. Hal ini dapat dilihat daripada pendekatan kritikal-selektif yang digunakan oleh kurator semasa membangunkan galeri muzium. *Ketiga*, kesemua galeri di MABPP berteraskan tema kesedaran Islam. Ia memperlihatkan pengaruh sejarah dan intelektualisme Islam telah mempengaruhi kurator Muzium Pahang dalam kerangka membina galeri-galeri di muzium terbabit. Terpenting sekali, pengaruh Islam di Pahang ini telah diwarnai dengan elemen tempatan (*Islamicate*) yang cukup tinggi.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh skim geran penyelidikan Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah – Muzium Pahang (ASA-RC) yang bertajuk Meraikan Ilmu (001.KOLONIALISME/2021). Sehubungan dengan itu, pihak penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada ASA-RC atas sumbangan dana yang telah diberikan.

## Rujukan

- A. Samad Ahmad. 2000. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Ab Samad Kechot. 2012. Pendidikan Warisan di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 35- 46.

- Abdul Latif Abu Bakar. 1985. Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia. Dlm Abdul Latif Abu Bakar. (Pnyt.). *Warisan Dunia Melayu Teras Peradaban Malaysia*, pp.13. Kuala Lumpur: GAPENA.
- Abdul Rahman Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 2005. *Karya Lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi*. (Pnyt.). Amin Sweeney. Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Abdul Rahman Embong. 2005. Persoalan Pascakolonialisme. Dlm. Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya (pnyt.). *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, hlm. 45-58. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2012. Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, 31 Ogos 1957: Liku dan Jejak Perjuangan Patriot dan Nasionalis Menentang British. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 40: 9.
- Abu Hassan Sham. 1998. Kitab Jawi Berunsur Tasawuf dan Pengajiannya di Temerloh. Dlm. Hashim Awang AR. (Pnyt.). *Pengajian Sastera dan Sosiod budaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, hlm.1-10. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Abu Talib Ahmad. 2015. *Museums, History and Culture in Malaysia*. Singapura: NUS Press.
- Ahmad Farid Abd Jalal. 2022. Kearifan Ketatanegaraan dan Gender Melayu Islam Pahang di Aceh: Satu Analisa, *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 7(1): 97-107.
- Ahmad Farid Abd Jalal. 2022. Perkembangan Institusi Memori (LAM) Pada Era British di Tanah Melayu. *Sejarah: Journal of History Department* 31(1): 34-64.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Awang Azman Awang Pawi dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2020. Konsep Muzium Baru: Analisisistem Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia* 3(1): 22 -147.
- Ahnaf Wafi Alias. 2018. Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang. *Prosiding Persidangan Siswa-siswi Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018 (PERSIPMAM)*, ATMA UKM, hlm. 215-230.
- Amnah Saayah Ismail, Norshima Zainal Shah, Wan Kamal Mujani & Izziah Suryani Mat Resad. 2014. Scholar's Jihad Ta'limi in Pahang During the 19<sup>th</sup> Century. *Middle-East Journal of Scientific Research* 20(12): 2142-2146.
- Amran Kasimin. 1987. *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*. Bangi.
- Arkoun. M. 1995. *Islamic Thought: Scientific Reading*. Beirut: National Development Center.
- Aziz Deraman. 2013. Citra Budaya Kelantan. Dlm. Mahmood Zuhdi Abd Majid (Pnyt.). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, hlm. 523-531. Kota Bharu: MAIK.
- Awang Azman Awang Pawi. 2009. Menulis Dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara. *Jurnal Pengajian Media* :133-148.
- Azyumardi Azra. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Alam Melayu Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Charlotte Morgan. 2015. In The Name Of The Empire: How Collections Were Used In The 18th And 19th Centuries To Strengthen Britain's International Powerbase. Tesis Doktor Falsafah University of Leicester.
- Gibson-Hill, C.A. 1952. Notes on the Old Boat found at Pontian, in Southern Pahang, *Journal Of The Malayan Branch Of The Royal Asiatic Society* 25(1) (158): 111-133.
- Emily Duthie 2011. The British Museum: An Imperial Museum In A Post-Imperial World. *Public History Review* 18: 12–25.
- Daniel C. Dennett. 1995. *Darwin's Dangerous Idea Evolution and the Meanings of Life*. London: Penguin Books Ltd.
- Danielle Falconer. 2015. British Implementation of Western Medicine in Malaysia and the Malaysian Reaction *The Forum Journal of History* 7: 43-58.
- Diana Laurensen Danalan Swingewood. 1971. *The Sociology of Literature*. London: Macgibbon & Kee.
- Firdaus Abdullah. 2017. Institusi Raja: Peranan Monarki Mengatasi Dilema Demokrasi. *Konvensyen Memperkuat Pasak Negara: Ke Arah Wasiat Tersurat*, 5-6 Ogos 2017, hlm. 39-46.
- Hanapi Dolah. 1983. Struktur dan Hubungan Masyarakat Melayu Tradisional Berdasarkan Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Teoritis, *SARI* 1(2).
- Hashim Musa 1994. Sejarah Awal Tulisan Jawi. Dlm *Alam Melayu* 2: 7-13.

- Hedstrom, Margaret and John L. King. 2003. *On the LAM: Libraries, Archive, and Museum Collections in the Creation and Maintenance of Knowledge Communities*. Paris: Organisation for Economic Co-operation and Development. Diambil dari: <https://www.oecd.org/education/innovation-education/32126054.pdf>. (5 September 2022).
- Hooper-Greenhill. 2000. *Museums and the Interpretation of Visual Culture*. London & New York: Routledge.
- Hossam Mahdy. 2019. Is Conservation Of Cultural Heritage Halal? Perspectives On Heritage Values Rooted In Arabic-Islamic Traditions. Dlm. Erica Avrami, Susan Macdonald, Randall Mason, David Myers (pnyt.). *Values In Heritage Management Emerging Approaches And Research Directions*, hlm. 127-140. Los Angeles: The Getty Conservation Institute.
- Hussain Othman. 2008. Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History. *SARI* 26: 91-110.
- Ivan Karp Dan Steven Lavine. 1991. *Exhibiting Cultures: The Poetics And Politics Of Museum Display*. Washington, Dc: Smithsonian Institution Press.
- James Cuno. 2011. *Museums Matter: In Praise Of The Encyclopedic Museum*. Chicago And London: The University Of Chicago Press.
- Jamalluddin Hashim. 2014. Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7(1): 2-19.
- Khairudin Juneid. 2012. Theorising Colonialism In The Malay World, Zawawi Ibrahim (ed.). *Social Science and Knowledge in a Globalizing World*, hlm. 201-218. Petaling Jaya: PSSM.
- Khalif Muammar A. Harris. 2011. Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 29(1): 79-101.
- Lee Weinberg. 2014. Curating Immateriality in Search for Spaces of the Curatorial. Tesis Kedoktoran, University of London.
- Linehan, W. 1936. A History of Pahang. *Journal of the Malayan Branch XIV(II)*
- Lukmanul Hakim Darusman. 2008. Jihad in Two Faces of Shariah: Sufism and Islamic Jurisprudence (Fiqh) and the Revival of Islamic Movements in the Malay World. Tesis Kedoktoran, The Australian National University.
- Mahayuddin Haji Yahya dan Ahmad Jelani Halimi. 1993. *Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Anuar Ramli. 2018. Unsur Kearifan Tempatan dalam Fiqh Budaya dan Seni Melayu Islam dari Perspektif Hukum Islam. *Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IX 2018*.
- Mohd Ikhlas Roslee. 2015. Islamisasi Awal Di Pahang: Satu Tinjauan Teori. *Jurnal Kemanusiaan* 24(1): 1-13.
- Muhammad Haniff Hassan. 2016. Mengharmonikan Islam dan Pasifisme: Satu Pendekatan Tradisionalis *Jurnal al-Tamaddun* 11(2): 1-18.
- Muhammad Kamal Hasan. 2001. *Intellectual Discourse at the End of the Second Millennium: Concerns of a Muslim-Malay Ceo*. Kuala Lumpur.
- Nurhanisah Senin. 2019. Penyembahan Imej dalam Agama Kristian, Hindu dan Buddha: Analisis Perbandingan, *5<sup>th</sup> International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*, 5<sup>th</sup> & 6<sup>th</sup> November 2019, Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia.
- Omar Awang. 1980. The Trengganu Inscription as The Earliest Known Evidence Of The Finalisation Of The Jawi Alphabet. *Federation Museums Journal* 25: 55.
- Omar Awang. 1981. The Major Arabic Sources Which Determined The Structure Of Islamic Thought In The Malay Archipelago Before The Nineteenth Century A.D. In The Field of Law, Theology and Sufism. *Islamika* 1: 80-85.
- Othman Yatim. 2005. Pembudayaan Muzium, Pelestarian Warisan Dan Pembinaan Bangsa. Syarahan Pengukuhan Professor, Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Muzium Seni Asia, Universiti Malaya.
- Ozay, M. 1995. *Westernizing The Third World: The Eurocentricty Of Economic Development Theories*. London: Roudledge.
- Paulette Dellios. 1999. The Museum as Artifact, Made in Malaysia. Tesis kedoktoran James Cook University of North Queensland.

- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2010. Batu Bersurat di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam. *Jurnal Fiqh* 6.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. 2017. Dimensi Jihad dalam Perjuangan Pahlawan Melayu Menentang Penjajah di Pahang. *Jurnal Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 10(1): 89-106.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Syamsul Azizul Marinsah, Ahmad Farid Abdul Jalal. 2022. Konsep Jihad Ulama Melayu-Islam Dalam Kitab Jawi Terpilih: Satu Analisis. *Jurnal Manu* 33(1): 27-51.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Siti Maimunah binti Kahal. 2017. Ilmu Kolonial dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jurnal Sejarah* 26(1): 33-49.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2004. Menangani Cabaran Globalisasi: Satu Analisis Terhadap Pemikiran Reformis Semasa, Dlm Mohd Fauzi Hamat, Mohd Fakhruddin Abd. Mukti Dan Che Zarrina Sa'ari (pnyt.). *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, hlm. 213-238. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2011. Metodologi Disiplin Occidentalisme Alternatif: Tumpuan Khusus Terhadap Pandangan Orientalis Terhadap Hukum Islam. *Jurnal Syariah* 2.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2022. Hukum Kanun Pahang Sebagai Korpus Perundungan Tempatan Melayu Pahang. *Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2022*, Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, di UPSI pada 9/8/2022 hingga 11/08/2022.
- Rawaa Adel Bakhsh. 2021. Unsettling Notions of “Islamic Art” and the “Other”: Representations of Islamic Cultures in Contemporary Art in North America and the Middle East. Tesis kedoktoran, Queen’s University Kingston, Ontario, Kanada.
- Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh. 2012. Tipologi Interaksi Antaraagama dan Sains: Satu Penilaian dan Cadangan Menurut Perspektif Islami. Tesis PhD, Fakulti Sains, Universiti Malaya.
- S. Azman Ligun. 2017. Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 5(1): 19-28.
- Syed Hussein Al-Attas. 2005. Watak Tertawan Di Negara Membangun. Dlm. Mohamad Daud Mohamad (pnyt.). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, hlm. 2-10. Kuala Lumpur : DBP.
- Syed Osman Syed Omar. 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Stuart Frost. 2019. ‘A Bastion of Colonialism’, Third Text, DOI: 10.1080/09528822.2019.1653075.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar. 2009. Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Fara’id Karangan Sheikh Nurudin al-Raniri, *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation* 27(2): 119-146.
- Yuka Inoue. 2005. Museum Education and International Understanding: Representations Of Japan At The British Museum. Tesis Ph.D, University of London.

Ahmad Farid Abd Jalal  
Pengarah  
Muzium Pahang  
Email: farid.muzium@gmail.com

Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ph.D  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya  
Email: faqir\_ilia\_rabbih@um.edu.my

Ahnaf Wafi Alias  
Pegawai Penyelidik  
Muzium Pahang  
Email: awhaukm@gmail.com

Siti Maimunah Kahal  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)  
Email: mykahal89@yahoo.com

Received: 12 August 2022

Accepted: 20 September 2022

Published: 30 September 2022